

BAHAGIAN B

SOALAN 1 – ANEKA PILIHAN

Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A, B, C** atau **D** di dalam petk yang disediakan.

1. Sikap bersederhana adalah amalan yang _____.

A. buruk
B. terpuji
C. membanggakan
D. sia-sia

2. Nama baik keluarga hendaklah sentiasa _____ dan dipertahankan.

A. diabaikan
B. dijaga
C. dilupakan
D. diburukkan

3. Kita hendaklah menghargai dan _____ masa.

A. membuang
B. menyimpan
C. menepati
D. melengahkan

4. Menabung dan tidak boros mengajar kita untuk hidup _____.

A. Berdikari
B. Berseorangan
C. Berkumpulan
D. Menyendiri

5. Berdoa adalah amalan yang sangat _____.

A. dibenci
B. menunjuk-nunjuk
C. mulia
D. buruk

6. Pakaian yang sesuai mengikut pandangan Islam ialah pakaian _____.

A. Ketat
B. Terdedah
C. Menutup aurat, bersih dan kemas
D. Cantik dan bergaya

7. Anak yang melawan dan ingkar perintah ibu bapa adalah seorang anak yang _____

- A. amanah
- B. bertanggungjawab
- C. berhati mulia
- D. derhaka

8. Kita hendaklah bersikap _____ dalam menyambut Hari Aidilfitri di bulan Syawal.

- A. Sederhana
- B. Boros
- C. Menunjuk-nunjuk
- D. Sombong

9. Kenapakah maruah keluarga harus dijaga?

- A. Agar keluarga tidak dipandang hina
- B. Agar diri tidak disukai
- C. Agar keluarga tidak disanjung
- D. Agar ibu bapa tidak dipuji

10. Sebagai seorang anak kita mestilah _____ kedua ibu bapa kita kerana merekalah orang yang paling banyak berkorban.

- A. melupakan jasa
- B. mengenang jasa
- C. menderhaka dan melawan
- D. membiarkan

11. Apakah yang perlu dilakukan oleh seorang anak ketika ibunya sedang sakit?

- A. Membersihkan rumah dan menjaga ibu sehingga sembuh.
- B. Membersihkan halaman rumah dan keluar bermain bersama kawan - kawan
- C. Membuat bising dan mengotorkan rumah.
- D. Bergaduh dengan adik-beradik.

12. Menjaga kebersihan fizikal dan mental dapat mewujudkan kesihatan yang benar-benar sempurna, _____, emosi dan jiwa yang tenang.

- A. peribadi yang jahat
- B. peribadi yang menarik
- C. tingkah laku kasar
- D. tingkah laku buruk

13. Kawan itu boleh menjadi _____, jika kita tersalah pilih kawan.

- A. Sahabat
- B. Teman
- C. Lawan
- D. Rakan

14. Anda terdengar adik anda menjerit ke arah anak jiran. Anda seharusnya

- A. Memukulnya
- B. Menasihatinya
- C. Membiarkan sahaja
- D. Sama-sama menjerit

15. Sikap memohon maaf atas kesilapan yang dilakukan boleh membawa _____.

- A. Kesejahteraan
- B. Kebaikan
- C. Kerosakan
- D. Kesedihan

16. Kita hendaklah saling _____ dengan jiran tetangga.

- A. Hormat-menghormati
- B. Bermusuhan
- C. Hina menghina
- D. Caci- mencaci

17. Nazri mempelawa Alif untuk cuba menghisap rokok. Apakah yang perlu Alif lakukan?

- A. Memukul Nazri dan memberikan amaran kepadanya tentang bahaya rokok.
- B. Memarahi Nazri dan tidak berkawan dengannya lagi.
- C. Cuba merokok kerana ingin menjaga hati.
- D. Menolak pelawaan dengan sopan.

18. Masa itu sangat _____.

- A. Berharga
- B. Tidak berharga
- C. Banyak
- D. Tiada nilainya

19. Adik anda telah terjumpa dompet rakannya yang tercicir di sekolah. Apakah nasihat anda?

- A. Memintanya menyimpan dompet tersebut.
- B. Memulangkannya semula.
- C. Menjual dompet tersebut.
- D. Membiarkan sahaja.

20. Ibu telah meminta anda memberikan wang perbelanjaan kepada adik anda. Apakah tindakan anda?

- A. Menangguhkan pemberian wang itu.
- B. Meninggalkan wang itu di atas meja.
- C. Memberikan sendiri wang itu kepada adik anda.
- D. Meminta jiran anda memberikan wang itu kepada adik anda.

(20 MARKAH)